

Perbanyakkan aktiviti masyarakat

UMP 6 AUG 2001

Oleh **HAMDEN RAMLI**
dan **LAUPA JUNUS**

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, lebih banyak aktiviti masyarakat perlu diadakan bagi membolehkan rakyat pelbagai kaum bertemu dan beramah mesra.

Perdana Menteri berkata, usaha sedemikian penting kerana ia akan dapat mengukuhkan hubungan antara kaum yang telah sedia terjalin.

Katanya, walaupun ada acara tertentu yang telah diadakan, namun tidak rugi sekiranya ada pertemuan dalam bentuk lain seperti acara sukan dapat diadakan.

"Ini tentu baik terutamanya

di Malaysia yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.

"Kita sebenarnya tidak akan rugi jika ada lain acara diadakan supaya semua kaum boleh bergaul dan beramah mesra," katanya ketika berucap pada majlis penutup Kejohanan Badminton Piala Perdana 2001 kali ke-16 anjuran Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Stadium Badminton Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut memuji usaha pengajuran kejohanan itu yang memberi peluang kepada isteri-isteri pentadbir negara bertemu, berkenalan dan beramah mesra.

Kejohanan kali keenam yang disertai oleh 12 kontinjen telah

dimenangi oleh pasukan Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) dengan menewaskan pasukan Bakti.

Ini merupakan kemenangan kali keempat bagi Bakisa sejak tahun 1998.

Kejayaan berturut-turut sepanjang tempoh empat tahun itu mendapat perhatian Perdana Menteri yang meminta supaya pasukan-pasukan lain berusaha mencari strategi mengalahkan Bakisa.

Perdana Menteri berkata, semua pihak sebenarnya rela melihat kemenangan berturut-turut Bakisa kerana ia datang daripada kebolehan yang ada pada setiap pemain mereka.

Terdahulu Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr. Siti

Hasmah Mohd. Ali dalam ucapannya berharap, para suami akan memberi sokongan padu kepada isteri menyusun jadual

membaiki kebolehan mereka bertanding dan mengambil bahagian dalam pertandingan sukan anjuran badan amal.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa pertandingan kemudian mengumumkan Badan Amal Isteri Wakil Rakyat

Perak (Baiduri) sebagai tuan rumah menganjur Kejohanan Badminton Piala Perdana edisi ke-17 pada tahun depan.